

PM tegur pemimpin parti pembangkang

U.M 10 JUN 1994

MUAR 9 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegur kepimpinan sebuah parti pembangkang yang sanggup menuduh kerajaan menghantar tentera ke Bosnia hanya untuk menyebelahi puak Serb.

Beliau yang tidak menamakan parti berkenaan berkata, mereka telah gagal memimpin sebuah kerajaan negeri dan disebabkan cemburu dengan Kerajaan Pusat yang semakin popular, mereka telah sanggup menabur fitnah.

Pardana Menteri berkata, mereka ini yang kecewa kerana gagal memerintah sebuah kerajaan negeri juga memberi alasan bahawa kegagalan itu berpunca kerana mereka tidak mendapat sokongan serta bantuan dari Kerajaan Pusat yang diterajui oleh Barisan Nasional (BN).

Dr. Mahathir yang juga tidak menyebut

kerajaan negeri itu menarik perhatian bagaimana baru-baru ini parti yang mendakwa mereka berpegang kepada agama sanggup menuduh kerajaan menghantar tentera ke Bosnia untuk menyebelahi Serb.

“Kononnya kita menyebelahi Serb untuk menindas orang Bosnia sedangkan mereka tidak pernah berbuat apa satupun untuk kepentingan orang Islam Bosnia,” katanya pada perjumpaan dengan pemimpin parti komponen BN Johor di sini hari ini.

Katanya, kerajaan yang berasa bertanggungjawab terhadap Bosnia menghantar tentera ke sana supaya Malaysia dapat menyertai Bangsa-Bangsa Bersatu untuk sama-sama mengawasi supaya rakyat Bosnia tidak teraniaya.

“Itu tujuan kita dan sudah tentu kerana kita ada di sana maka tindakan yang tidak baik

terhadap Bosnia tidak dapat dilakukan kerana kita sebagai pemerhati.

“Tetapi tergamak orang ini berkata kononnya kita menyebelahi pihak Serb untuk menindas orang Bosnia sedangkan mereka tidak pernah berbuat apa satupun untuk orang Islam Bosnia,” katanya.

Beliau menyifatkan tuduhan yang berbentuk fitnah dan memperkecilkan usaha kerajaan itu adalah kerana mereka mempunyai kepentingan politik untuk menidakkan sokongan rakyat terhadap kerajaan.

“Orang ini kononnya (mengaku) orang yang berpegang kepada agama, orang kata pijak semutpun tak mati, cakap berbisik tetapi melempar fitnah yang amat dahsyat kepada orang lain,” katanya.